



**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)**  
NOTIS SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk	Kod Bidang	Tempoh Pembukaan Sebutharga	Taklimat Sebutharga
2/2013	Sebutharga Bil. 2 / 2013: Perkhidmatan Membekal, Menghantar Dan Menyelenggara Enam (6) Unit Mesin Penyalin Cetakan Digital Berwarna Bagi Pejabat-Pejabat Negeri SME Corp. Malaysia di Negeri Pahang, Negeri Sembilan, Kelantan, Kedah & Perlis, Perak Dan Melaka	221502	Tarikh Buka: 13 Mac 2013  Tarikh Tutup: 28 Mac 2013	20 Mac 2013 (Rabu), jam 11.00 pagi  Tempat : Dewan Mahkota Aras 5, SME 1, Blok B, Platinum Sentral Jalan Stesen Sentral 2 Kuala Lumpur Sentral 50470 Kuala Lumpur

2. Pembekal yang berminat hendaklah berdaftar dalam kod bidang yang dinyatakan di atas. Dokumen Sebutharga boleh dimuat turun di dalam laman sesawang SME Corp. Malaysia. Semua kos berkaitan Cadangan Tawaran Sebutharga ini adalah menjadi tanggungjawab Pembekal.
3. Pembekal hendaklah menyertakan sesalinan dokumen seperti mana yang dinyatakan di dalam senarai semak yang terdapat dalam Dokumen Sebutharga.
4. Cadangan Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan Tajuk dan No. Sebutharga disebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran atau menghantar ke alamat seperti berikut:

**Pengarah  
Bahagian Pengurusan Korporat  
Aras 5, SME 1, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur**

5. SME Corp. Malaysia tidak terikat untuk menerima Cadangan Tawaran terendah atau mana-mana cadangan tawaran. SME Corp. Malaysia berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tawaran.
6. Pembekal yang berminat **diwajibkan** menghadiri **taklimat sebutharga** seperti alamat di atas. Pembekal yang tidak hadir taklimat, cadangan tawaran tidak akan dipertimbangkan. Pembekal yang disenaraipendek sahaja layak untuk menyertai **proses e-Bidding**. Pembekal hendaklah mengambilkira **potongan 0.8%** yang akan dibuat ke atas setiap inbois oleh pembekal yang dilantik melalui e-Bidding.
7. SME Corp. Malaysia telah melaksanakan perolehan secara elektronik (ePerolehan) mulai Januari 2011. Dalam hal ini, pembekal adalah diminta untuk membuat pendaftaran syarikat dengan menghubungi pusat khidmat pelanggan commerce dot com di talian 03-7787 9734/9728 sekiranya terdapat sebarang pertanyaan.